


UPDATES REPORT

Siliconetics Government
Asset 3

Ver. 3.00.18

4/9/2012

Siliconetics Research Corporation Sdn. Bhd.
Rokman Semail



SILICONETICS GOVERNMENT ASSET UPDATE REPORT

Perubahan Utama

- ❑ Perubahan sistem login.
- ❑ Penggunaan rekod perjawatan bagi menentukan akses.
- ❑ Penambahan fungsi carian indeks.
- ❑ Perubahan kaedah penentuan nombor/ID unik.

SINOPSIS

Versi terkini **Siliconetics Government Asset (GAS)** ialah 3.00.18. Peningkatan yang dilakukan pada versi ini tertumpu kepada ciri keselamatan data. Di dalam versi ini, capaian kepada rekod ditapis mengikut pengguna. Maklumat utama yang digunakan untuk menapis atau kekangan (blocking) rekod ialah Bahagian/Unit yang diwakili oleh pengguna tersebut.

Perubahan ini memerlukan pelayan FlitGate versi 3.31 ke atas.

Syarat Untuk Pengguna


Bagi membolehkan fungsi keselamatan ini digunakan, syarat-syarat utama yang mesti dipatuhi ialah:

1. **Semua pengguna hendaklah didaftarkan sebagai kakitangan.**
2. **Semua pengguna hendaklah memegang jawatan yang mempunyai kelayakan untuk mengurus data aset, misalnya "Pegawai Aset".**
3. **Pengguna mesti memegang jawatan berkaitan (pegawai aset) untuk satu unit/bahagian atau lebih.**

Tugasan "Admin"

Berikut adalah tugas yang perlu dilakukan oleh pengurus database (admin) bagi membolehkan ciri baru beroperasi dengan sempurna:


1. Setkan jawatan yang digunakan sebagai "Pegawai Aset" melalui fungsi "Tetapan Aset". Sila rujuk contoh dibawah.



2. Daftarkan semua pengguna sebagai kakitangan.
3. Setkan kakitangan yang memegang jawatan "Pegawai Aset" bagi setiap unit/bahagian.
4. Setkan nama pengguna (username) dan kata laluan sementara untuk diberikan kepada setiap pengguna. Pastikan setiap pengguna diberi kunci akses "Government Assets Register main entrance".

1. Perubahan Sistem Login

Terdapat beberapa perubahan pada sistem login, tetapi tidak begitu ketara dari sudut pengguna. Sistem login baru akan melakukan imbasan kepada data dan memuatkan rekod-rekod unit/bahagian yang terlibat untuk pengguna tersebut. Tujuan maklumat tersebut dimuatkan semasa login adalah bagi mempercepatkan proses-proses yang melibatkan rekod unit/bahagian pengguna semasa, misalnya proses penapisan rekod untuk paparan.




Unit/bahagian yang diwakili oleh pengguna semasa dipaparkan pada desktop perisian GAS. Sila rujuk gambar di atas.

2. Fungsi Carian Indeks

Fungsi Carian Indeks adalah kaedah terpantas untuk mencari rekod melalui nama, kod atau nombor Radicare. Untuk mengaktifkan fungsi Carian Indeks, sila gunakan butang ... yang berada di atas toolbar. Contoh dialog Carian Indeks adalah seperti yang ditunjukkan di dalam gambar di bawah.

Anda boleh memilih jenis rekod dan jenis indeks melalui **combobox "Record Type"** dan **"Index Type"** yang disediakan. Kod atau nama yang dikehendaki boleh ditaip diruangan **"Keyword"** di mana rekod yang sepadan akan dipaparkan di senarai sebaik sahaja perkataan ditaip.

Rekod yang ditemui boleh dipaparkan pada borang penyunting untuk dikemaskini dengan menekan butang [Show Record] pada kotak dialog Carian Indeks.



3. Kaedah Baru Penentuan Nombor Unik

Sebelum ini nombor unik yang ditentukan pada rekod asset dan inventori ialah menggunakan carian nombor terkecil yang belum digunakan. Ini menimbulkan kekeliruan kerana nombor asset bagi rekod yang telah dipadamkan akan digunakan semula. Kaedah ini telah ditukar dalam versi terkini di mana nombor tersebut ialah nombor berikut yang terbesar yang masih belum digunakan.

4. Kekangan Versi Penilaian

Di dalam versi sebelumnya, GAS akan berfungsi seperti biasa walaupun tempoh penilaian telah tamat. Di dalam versi terkini, pengguna hanya dibenarkan untuk menyimpan (save) perubahan pada rekod sekali sahaja setiap kali GAS dijalankan. Laporan-laporan tertentu juga akan ditampal dengan "banner" tamat tempoh.

Untuk membolehkan GAS beroperasi seperti biasa selepas tempoh penilaian tamat, ia perlu diaktifkan menggunakan Kunci Produk yang telah diberikan.

--- TAMAT ---